

18 JAN 2002

Forum-Mahathir/I

MAHATHIR, PEMIMPIN DUNIA AKAN BERUCAP PADA MESYUARAT TAHUNAN WEF

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merupakan antara beberapa pemimpin dunia yang akan berucap pada mesyuarat tahunan Forum Ekonomi Dunia (WEF) tahun ini yang menurut penganjurnya akan menyumbang kepada penyediaan wawasan baru bagi agenda global selepas serangan 11 Sept ke atas Amerika Syarikat.

Mesyuarat itu akan diadakan di New York dari 31 Jan hingga 4 Feb, pertama kalinya dianjurkan di luar Davos dalam sejarah 31 tahun yayasan berpengaruh yang berpejabat di Geneva itu.

"Kami menghimpunkan sekumpulan orang-orang yang luarbiasa, pada waktu yang luarbiasa. Ini mungkin merupakan mesyuarat tahunan sebenar yang akan menjadi sejarah," kata Presiden WEF Kalus Schwab dalam satu kenyataan hari ini.

"Kami mewujudkan program baru bagi mesyuarat tahunan ini...satu program yang direka bentuk bagi merangsang perbincangan dan menyediakan wawasan yang akan membantu kita berdepan dengan lebih baik dengan kerapuhan zaman kita."

Hampir 3,000 peserta, merekodkan penyertaan besar-besaran daripada kumpulan perniagaan dan masyarakat awam, dijangka akan menghadiri persidangan lima hari bertema : "Leadership in Fragile times: A Vision for a Shared Future" (Kepimpinan Dalam Zaman Rapuh: Satu Wawasan Bagi Perkongsian Masa Depan).

Pemimpin lain yang dijangka hadir pada mesyuarat itu termasuk Canselor Jerman Gerhard Schroder, Perdana Menteri Kanada Jean Chretien, Presiden Afrika Selatan Thabo Mbeki, Raja Jordan Raja Abdullah Hussein, Perdana Menteri Australia John Howard, Presiden Filipina Gloria Macapagal Arroyo, Presiden Colombia Andres Pastrana, Presiden Austria Thomas Klestil, Ketua Setiausaha Negara Amerika Syarikat Colin Powell dan bekas Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton.

Empat puluh lapan pemimpin agama, mewakili semua agama utama, juga akan turut hadir.

WEF juga menyatakan perhimpunan itu dipindahkan ke New York sebagai tanda keazamannya untuk menangani secara berdepan pelbagai cabaran yang dihadapi oleh dunia selepas 11 Sept apabila dua pesawat komersil yang dirampas dengan sengaja merempuh menara kembar World Trade Center di sana.

"Semasa kami mula merancang mesyuarat ini selepas nahas 11 Sept dan di tengah-tengah ketakutan mengenai virus anthrax di New York, kami tidak dapat bayangkan akan tahap penyertaan yang akan kami perolehi pada hari ini. Adalah jelas bahawa anggota kami merasakan yang mesyuarat ini perlu dan penting pada waktu ini," kata Donna Redel, pengarah urusan yang mengetuai pusat WEF bagi industri global.

Mesyuarat itu akan fokus pada enam bidang - memulihkan pertumbuhan mapan, mencapai keselamatan dan menangani pelbagai kerapuhan, memperhalusi pelbagai cabaran perniagaan, mengurangkan kemiskinan dan mencapai kesamarataan, berkongsi nilai-nilai dan perbezaan masing-masing dan menilai semula kepimpinan dan pentadbiran.

Malaysia juga akan menjadi tuan rumah sidang kemuncak WEF Asia Timur buat julung kalinya pada 6-8 Okt.

-- BERNAMA
TCL TCL RHM